

AGENDA 7 : LAPORAN JAWATANKUASA TERTINGGI PUSAT (CEC) 2025

KEDUDUKAN PARTI

Parti telah menyaksikan pertumbuhan pesat. Dari segi keahlian, parti kini mempunyai 216,237 ahli berbanding 57,743 sebelum 2008.

Daripada segi cawangan, parti kini mempunyai 2022 cawangan.

Pada masa ini, DAP mempunyai 40 orang Ahli Parlimen (MP) , 91 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan 4 Senator Dewan Negara.

PERISTIWA POLITIK

PRK Kuala Kubu Baharu

Pada 21 Mac 2024, Sdri Lee Kee Hiong, mantan Ahli Dewan Negeri Kuala Kubu Baharu di Selangor telah meninggal dunia. Ini merupakan suatu kehilangan besar buat parti kerana mendiang Sdri Lee Kee Hiong telah memenangi kerusi DUN Kuala Kubu Baharu sejak 2013 sehingga 2023. Beliau juga banyak berjasa kepada parti dan kehilangannya amat dirasakan.

Oleh sebab pemergiannya, PRK Kuala Kubu Baharu telah berlangsung pada 11 Mei 2024. Walaupun keadaan yang mencabar dan ramai yang menjangkakan bahawa kerusi ini bertukar tangan, namun kesungguhan dan dedikasi ahli dan pemimpin parti dari seluruh negara, serta sokongan daripada parti-parti Kerajaan Perpaduan telah memastikan Kuala Kubu Baharu kekal di tangan parti. Saudari Pang Sock Tao, calon parti yang mewakili Kerajaan Perpaduan telah memenangi PRK tersebut dengan peratus sokongan yang lebih tinggi.

KELANGSUNGAN KERAJAAN MADANI

Pada 12 Disember 2023, setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah membuat rombakan Jemaah Menteri. Jumlah Menteri dan Timbalan Menteri daripada parti telah bertambah. Saudara Gobind Singh Deo telah menyertai Jemaah Menteri dan Saudara Steven Sim telah dilantik menjadi Menteri penuh. Saudara Wong Kah Woh dan Saudara M. Kulasegaran pula dilantik menjadi Timbalan Menteri. Parti merakamkan penghargaan kepada Saudara V. Sivakumar dan Saudara Ramkarpal Singh atas khidmat mereka sebagai Menteri dan Timbalan Menteri.

Pada November 2024, genap 2 tahun parti berada dalam Kerajaan. Ini merupakan tempoh paling lama parti berada dalam Kerajaan Persekutuan, selepas 22 bulan pentadbiran Tun Mahathir Mohamad daripada tahun 2018 sehingga tahun 2020.

REFORMASI INSTITUSI YANG BERTERUSAN

Kerajaan Madani telah melaksanakan pelbagai reformasi institusi. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

1. Membawa pindaan Perlembagaan untuk memberi hak warganegara buat anak kepada ibu warga Malaysia yang berkahwin dengan bukan warganegara.
2. Memansuhkan hukuman mati mandatori bagi beberapa kesalahan.
3. Menyahjenayakan percubaan membunuh diri.
4. Memperkasakan SUHAKAM.
5. Meluaskan kuasa Ketua Audit Negara dalam membuat audit.
6. Meluaskan perlindungan kepada saksi kanak-kanak.
7. Memastikan persekitaran atas talian yang lebih selamat melalui undang-undang baharu.
8. Membawa pindaan-pindaan substantif kepada Akta Profession Undang-undang termasuk memaktubkan Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam dalam undang-undang.
9. Membawa pindaan-pindaan bagi memastikan keselamatan siber, memantapkan perlindungan data peribadi dan membawa undang-undang yang memastikan ekosistem tadbir urus melalui perkongsian data.
10. Membawa RUU yang akan mewujudkan Majlis Media Malaysia bagi memastikan kebebasan media.
11. Membawa RUU yang akan mengembalikan Perkhidmatan Parlimen dan sekaligus memastikan Parlimen lebih bebas daripada pengaruh Eksekutif.
12. Membawa usul bagi membenarkan Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan SUHAKAM dibahaskan di Parlimen.
13. Memperkasakan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

Parti akan terus memperjuangkan pelbagai penambahbaikan dan reformasi dalam sistem pentadbiran.

MELANGKAH KE HADAPAN

Sama seperti semasa penubuhan DAP pada tahun 1966, DAP masih dipandu oleh objektif yang sama untuk melindungi, memelihara dan menghormati Perlembagaan Persekutuan. DAP tetap komited terhadap hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan kita mengenai kemakmuran ekonomi, kebebasan demokratik, keadilan sosio-ekonomi, peluang yang saksama, kedaulatan undang-undang, penghormatan terhadap kepelbagaian dan martabat manusia.

Keputusan Pilihan Raya Umum, Pilihan Raya Negeri dan PRK Kuala Kubu Bharu yang lepas jelas menunjukkan bahawa DAP masih mendapat sokongan pengundi dengan mengekalkan rekod cemerlang dalam pilihan raya.

DAP kini berada di dalam Kerajaan Madani dan terus komited untuk membina semula negara bersama-sama dengan Kerajaan Madani ini, diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Akhir sekali, DAP harus sentiasa kekal relevan dalam arus perdana politik tanah air dan memastikan bahawa ianya terus mendapat sokongan pelbagai kaum di Malaysia.